

Lawatan Dr M harum imej Malaysia di Jepun — Duta

LAWATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun baru-baru ini, meninggalkan kesan baik mengenai Malaysia terhadap Jepun, kata Duta Besar baru Jepun ke Malaysia, Encik Aki-tane Kiuchi, hari ini.

Katanya, lawatan yang disifatkan amat berjaya itu membuatkan rakyat Jepun ingin tahu mengenai Malaysia dengan lebih dekat dan dengan ini lebih ramai pelawat Jepun dijangka ke sini tidak lama lagi.

Dalam satu temu-bual di sini, Encik Kiuchi berkata, mendahului

KUALA LUMPUR, Ahad

para pelawat ke Malaysia ialah Perdana Menteri Jepun, Encik Yasuhiro Nakasone, yang dijadualkan tiba 8 Mei ini bagi lawatan tiga hari.

Beliau menambah, Encik Nakasone yang akan mengunjungi negara-negara Asean selama dua minggu, dijadual menyampaikan ucapan dasar di Kuala Lumpur dalam pusingan akhir rangka lawatannya itu.

Ucapan itu akan menekankan keinginan Jepun mengukuhkan lagi hubungannya dengan Asean

dan mewujudkan 'hubungan paling rapat dengan Malaysia', jelas beliau.

Ucapan itu juga akan mencerminkan keinginan Jepun mengukuhkan hubungan dengan negara-negara jiran di Asean.

Encik Kiuchi berkata, pertemuhan Encik Nakasone dengan Perdana Menteri Malaysia juga membuktikan yang Jepun memandang tinggi Malaysia.

Perkhidmatan berita Kyodo melaporkan, Encik Nakasone juga akan menekankan dalam kenyataannya bahawa Jepun tidak akan menjadi kuasa tentera tetapi menghaddkannya kepada keselamatan.

Kenyataan itu bertujuan menghapuskan keimbangan di Asia berikut belanjawan ketenteraan Jepun yang bertambah dan kenyataan Encik Nakasone bahawa beliau akan menjadikan Jepun sebuah kapal pembawa kapal terbang yang tidak boleh tenggelam.

Mengenai pelancongan, Encik Kiuchi berkata, penerangan luas yang diberi oleh media Jepun mengenai Malaysia membuatkan rakyat Jepun ingin mengenali negara ini dan rakyatnya.

Ini lebih-lebih lagi dengan penubuhan sebuah lagi agensi berita, Agensi Berita Jiji di Kuala Lumpur, bulan depan. Kyodo dan harian Asahi Shimbun telah pun mempunyai biro-biro mereka di sini.

Ini adalah petanda baik, tegasnya, kerana ini membuktikan pentingnya Malaysia di mata akhbar Jepun. "Kehadiran mereka di sini bukan sahaja menggalakkan pelancongan, tetapi juga membantu rakyat Jepun mengetahui Malaysia dan dasar pandang ke Timur dengan lebih mendalam lagi," ujar beliau.

Mengikut perangkaan kini, kira-kira 140,000 rakyat Jepun melawat Malaysia setahun.

Bagaimanapun, Malaysia hendaklah bersedia menempatkan para pelancong ini kerana bilik-bilik hotel sangat berkurangan. "Saya diberitahu Kuala Lumpur sahaja memerlukan 1,000 bilik hotel lagi," tegas duta itu.

Encik Kiuchi menambah, pada masa yang sama, Perbadanan Kemajuan Pelancongan dan media tempatan hendaklah bekerja keras mendedahkan Malaysia kepada rakyat Jepun.

Generasi muda Jepun, misalnya, sangat berminat dalam sukan air seperti gelungsur angin dan menyelam.

Rakyat Jepun yang amnya menghadapi masalah bahasa, mungkin tidak akan menghalang mereka daripada berenang-senang di pantai-pantai di Pantai Timur.

Encik Kiuchi berkata, pembangunan di bidang pelancongan dan hubungan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara, nampaknya menunjukkan kesan positif

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia